

12 SEP 1999

Persidangan-Malaysia

TIADA ISU KHUSUS DIBINCANG PADA PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG

PETALING JAYA, 12 Sept (Bernama) -- Tiada isu-isu khusus mengenai badan kehakiman dan hak asasi manusia akan dibincangkan apabila Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 di Kuala Lumpur bermula esok walaupun Malaysia menjadi tumpuan antarabangsa berhubung dengan beberapa kes mahkamah.

Presiden Persatuan Undang-undang Komanwel (CLA) Datuk Dr Cyrus V. Das yang baru dilantik berkata, adalah mustahil untuk membincangkan isu-isu dalaman sesebuah negara dalam persidangan antarabangsa membabitkan 54 negara seperti ini.

"Juga tidak adil kepada yang lain yang datang dari jauh dan terpaksa mendengar isu-isu dalaman. Kita berkumpul untuk membincangkan isu-isu standard dan bersama," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat CLA hari ini.

Cyrus, bagaimanapun berkata perwakilan boleh bercakap atau membangkitkan persoalan mengenai badan kehakiman Malaysia dan hak asasi manusia semasa isu tertentu dibincangkan kerana masa yang secukupnya diperuntukkan bagi soalan semasa sesi perbincangan.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan sama ada pemenjaraan wartawan Far Eastern Economic Review Murray Hiebert dan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dibincangkan pada persidangan itu.

Persidangan empat hari itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok. Ia akan dihadiri oleh 1,318 perwakilan terdiri daripada peguam dan hakim serta kira-kira 500 peserta asing.

Persidangan itu akan menyaksikan 150 tokoh berucap termasuk pemenang hadiah Nobel Wole Soyinka (Nigeria), peguam bekas diktator Chile Augusto Pinochet, Lord Woolf (Britain) dan ketua hakim negara Zimbabwe Anthony Gubbay.

Yang lain ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam, bekas Ketua Polis Negara Tun Hanif Omar dan bekas anggota parlimen Singapura J. B. Jeyaratnam.

Presiden CLA yang akan melepaskan jawatan, Rod Hansen dari New Zealand berkata pemenjaraan Hiebert mungkin dibangkitkan kerana ia menimbulkan kebimbangan di kalangan peguam dan wartawan.

"Tetapi kita berada di sini bukan untuk membincangkan isu-isu dalaman tetapi isu antarabangsa," kata beliau.

"Kita tidak menumpukan banyak masa bagi mencapai kesepakatan mengenai isu-isu tertentu," kata Hansen.

Cyrus berkata 34 sesi akan diadakan dan enam isu utama ialah perlindungan alam sekitar, hak asasi manusia dan keluhuran undang-undang pada alaf ke-21, liabiliti jenayah, profesion guaman, undang-undang antarabangsa dan urusan antarabangsa.

Bekas presiden Majlis Peguam Malaysia itu ialah rakyat Asia yang pertama memegang jawatan itu sejak ia ditubuhkan pada 1947 dan akan memegang jawatan berkenaan sehingga mesyuarat CLA akan datang di Harare, Zimbabwe, pada tahun 2001.

-- BERNAMA

AR FAZ